

| | |
|-----------|--------------|
| Newspaper | Sinar Harian |
| Date | 23/10/2012 |

Jangan salah guna sumbangan

4,552 nelayan negeri ini dibantu dengan Elaun Sara Hidup

Sinar Harian 23/10/12

PENAGA - Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Pulau Pinang membelanjakan sebanyak RM10 juta setahun untuk bayaran Elaun Sara Hidup kepada 4,552 nelayan di seluruh negeri ini sejak skim itu diperkenalkan Ogos 2008 lalu.

Pengarah LKIM Pulau Pinang, Raja Khalid Raja Ariffin, jumlah perbelanjaan tersebut diagihkan kepada setiap nelayan terbabit yang menerima RM200 sebulan secara tunai.

"Ini sebahagian daripada usaha untuk membantu golongan nelayan meringankan bebanan hidup selain merangsang mereka untuk memajukan diri dalam sektor perikanan.

"Diharap sumbangan ini tidak akan disalah guna kerana golongan ini tidak seperti pekerja lain yang

mempunyai pendapatan tetap bulanan yang boleh digunakan sepanjang masa," katanya.

Beliau berkata demikian semasa ditemui pada majlis bayaran Elaun Sara Hidup kepada 521 nelayan dari Persatuan Nelayan Seberang Perai Utara di Dewan Ismail Che Chik di Bakau Tua, di sini.

Majlis tersebut disempurnakan oleh Pengerusi Majlis Pembangunan Pertanian Parlimen Kepala Batas, Tun Abdullah Ahmad Badawi yang juga Ahli Parlimen Kepala Batas.

Raja Khalid berkata, pihaknya juga telah menginsuranskan semua nelayan terbabit di bawah skim Insurans Takaful Kemalangan Diri Nelayan.

"Mereka mendapat perlindungan sebanyak RM100,000 jika kematian akibat kemalangan di laut serta RM50,000 bagi kematian kerana



Raja Khalid (lima, kanan) mengiringi Tun Abdullah (empat, kanan) menyerahkan wang tunai Elaun Sara Hidup kepada nelayan di Bakau Tua.

kemalangan di darat selain beberapa faedah lain.

"Ini juga secara tidak langsung

memberi kebaikan kepada keluarga mereka untuk jangka masa panjang selain imbuhan khairat kematian

segera berjumlah RM2,000 yang diterima keluarga sebaik kematian itu didaftarkan," katanya.

Menurutnya, setiap nelayan yang berumur 18 hingga 70 tahun yang dilindungi insurans itu bagaimanapun dikenakan potongan sebanyak RM100 sebagai bayaran proses untuk menyertai skim itu.

"Semua ini dilakukan untuk menjaga kebajikan nelayan terbabit yang sebelum ini menerima pelbagai insentif lain merangkumi subsidi diesel dan petrol serta skim pembaikan rumah.

"Peruntukan khas juga disediakan kepada nelayan untuk membaiki pelantar menambat bot mereka selain membaiki dan membina jeti pendaratan ikan sebagai satu kemudahan jangka panjang menjaga kebajikan mereka," katanya.